



KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
LEMBAGA PEPERIKSAAN

# **KUPASAN**

# **MUTU JAWAPAN**

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA  
TAHUN 2022

MATEMATIK  
TAMBAHAN  
KERTAS 2  
3472/2



**1.0 INSTRUMEN PENTAKSIRAN**

|                    |   |                |
|--------------------|---|----------------|
| Kod Mata Pelajaran | : | 3472/2         |
| Bentuk Ujian       | : | Subjektif      |
| Markah Penuh       | : | 100 markah     |
| Masa               | : | 2 jam 30 minit |

**1.1 REKA BENTUK INSTRUMEN PENTAKSIRAN**

Kertas ini mengandungi 3 bahagian iaitu **Bahagian A**, **Bahagian B** dan **Bahagian C**.

- Bahagian A** : Mengandungi **7** soalan. Semua soalan wajib dijawab. Jumlah markah yang diperuntukkan ialah **50 markah**.
- Bahagian B** : Mengandungi **4** soalan. Calon perlu menjawab **3** soalan. Markah bagi setiap soalan ialah **10 markah**. Jumlah markah maksimum ialah **30 markah**.
- Bahagian C** : Mengandungi **4** soalan. Calon perlu menjawab **2** soalan. Markah bagi setiap soalan ialah **10 markah**. Jumlah markah maksimum ialah **20 markah**.

## **2.0 PRESTASI CALON**

### **2.1 PRESTASI CALON BAHAGIAN A**

#### **2.1.1 Prestasi Keseluruhan**

Secara keseluruhannya, prestasi calon adalah pada tahap sederhana. Markah minimum ialah 0 dan markah maksimum ialah 49. Calon dapat menunjukkan prestasi yang baik bagi soalan-soalan rutin seperti tajuk Geometri Koordinat, sebahagian soalan Fungsi, Fungsi Kuadratik dan Janjang. Calon tidak dapat menjawab dengan baik soalan Fungsi Trigonometri dan soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) (Bukan Rutin) daripada tajuk Sistem Persamaan dan Pembezaan.

#### **2.1.2 PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON**

##### **Kumpulan Prestasi Tinggi**

Prestasi calon berada pada tahap baik. Calon memahami soalan yang ditanya, menggunakan rumus dan kaedah yang betul, menggunakan konsep yang betul dan dapat menyelesaikan masalah dengan cara kerja yang kemas dan tepat. Cara kerja yang diberikan adalah tersusun dan sistematik.

Calon mempunyai pengetahuan yang baik dan kemahiran aplikasi dalam mata pelajaran Matematik Tambahan. Jawapan yang diberikan sesuai dengan kehendak soalan dan jawapan akhir untuk setiap soalan adalah tepat. Calon juga dapat membuat alasan dengan tepat.

##### **Kumpulan Prestasi Sederhana**

Prestasi calon berada pada tahap memuaskan. Calon berjaya menjawab soalan yang memerlukan kemahiran asas tetapi menghadapi masalah untuk menjawab soalan berasaskan pembuktian, menyatakan alasan dan soalan KBAT (Bukan Rutin). Calon boleh menjawab soalan aras kesukaran rendah dan sederhana tetapi berhadapan masalah untuk menjawab soalan yang aras kesukaran tinggi.

Jawapan yang diberikan menunjukkan pemahaman mereka tentang kandungan sukatan pelajaran yang telah dipelajari, tetapi mereka tidak menguasai kemahiran yang lengkap untuk mengaplikasikan konsep tersebut dalam bahagian yang tertentu.

Calon tidak dapat menjawab dengan baik beberapa soalan seperti soalan 1 (a), 3 (b), 4 (a), 5, 6 (a) dan 7 (a)(b).

Sebilangan calon cuai dalam pengiraan mereka terutama dalam manipulasi algebra. Pengiraan yang ditunjukkan kurang tepat dan penggunaan rumus tidak ditunjukkan dengan jelas.

## 2.2 KUPASAN JAWAPAN BAHAGIAN A

### Soalan 1 (a)

- 1 Fungsi  $f$  dan fungsi  $g$  masing-masing ditakrifkan oleh  $f : x \mapsto 1 - 2x$  dan  $g : x \mapsto x^2 - 3$ .

*Functions  $f$  and  $g$  are defined as  $f : x \mapsto 1 - 2x$  and  $g : x \mapsto x^2 - 3$  respectively.*

- (a) Tentukan sama ada  $g^{-1}(x)$  ialah satu fungsi atau tidak.

Berikan sebab untuk jawapan anda.

[2 markah]

*Determine whether  $g^{-1}(x)$  is a function or not.*

*Give a reason for your answer.*

[2 marks]

Calon dikehendaki menggunakan konsep fungsi songsang untuk mendapatkan songsangan bagi fungsi  $g(x)$  yang diberikan dan menentukan sama ada fungsi tersebut suatu fungsi atau tidak berserta justifikasinya.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

horizontal line test.

$$g(x) = \text{---} \cup \text{---}$$

no because  $g(x)$  does not  
have inverse function.

Calon dapat menggunakan ujian garis mengufuk dan memberi justifikasi dengan tepat.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$(a) g(x) = x^2 - 3$$

$$\text{Biarkan } y = x^2 - 3$$

$$y + 3 = x^2$$

$$\pm \sqrt{y + 3} = x$$

$$g^{-1}(x) = \pm \sqrt{x + 3}$$

Bukan fungsi kerana mempunyai lebih daripada satu punca.

Calon dapat menggunakan konsep songsangan tetapi tidak dapat membuat justifikasi yang tepat tentang sifat-sifat fungsi dan fungsi songsang.

### Soalan 1 (b)

(b) Cari

Find

- (i)  $h(x)$ , jika  $f^{-1}h(x) = g(x)$ ,  
 $h(x)$ , if  $f^{-1}h(x) = g(x)$ ,
- (ii) nilai-nilai  $x$ , jika  $gf^{-1}(x) = 1$ .  
the values of  $x$ , if  $gf^{-1}(x) = 1$ .

Calon dikehendaki menggunakan konsep fungsi gubahan/fungsi songsang untuk mendapatkan fungsi  $h(x)$ . Bahagian (b)(ii) menghendaki calon menggunakan konsep fungsi songsang dan fungsi gubahan untuk menentukan nilai-nilai objek.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$(i) \text{ let } f(x) = y$$
$$y = 1 - 2x$$
$$x = \frac{1-y}{2}$$
$$f^{-1}(x) = \frac{1-x}{2}$$

$$f^{-1}h(x) = g(x).$$
$$\frac{1-h(x)}{2} = x^2 - 3.$$

$$1-h(x) = 2x^2 - 6$$
$$h(x) = 1 - 2x^2 + 6$$
$$= 7 - 2x^2$$

Calon dapat menyelesaikan fungsi gubahan tetapi fungsi songsangnya tidak ditulis dalam sebutan termudah.

$$(ii) g(x) = x^2 - 3$$
$$f^{-1}(x) = \frac{1-x}{2}$$

$$\left(\frac{1-x}{2}\right)^2 - 3 = 1$$

$$\frac{1-2x+x^2}{4} = 1+3$$

$$1-2x+x^2 = 4 \times 4$$

$$x^2 - 2x + 1 - 16 = 0$$

$$x^2 - 2x - 15 = 0$$

$$(x-5)(x+3) = 0$$

$$x = 5, \quad x = -3$$

Calon dapat menyelesaikan masalah yang melibatkan fungsi gubahan dan fungsi songsang untuk mendapatkan nilai-nilai objek.

**Contoh Jawapan Kumpulan Prestasi Sederhana**

(b) (i)

$$\begin{aligned} \text{let } f^{-1}(x) &= y \\ f(y) &= x \\ 1 - 2y &= x \\ -2y &= x - 1 \\ y &= \frac{x-1}{-2} \\ &= \frac{x-1}{-2} \end{aligned}$$

(x)

g(x)

$$\frac{h(x)-1}{-2} = x^2 - 3$$

$$h(x)-1 = -2x^2 + 6$$

$$h(x) = -2x^2 + 7$$

Calon dapat menyelesaikan fungsi songsang tetapi tidak menulis jawapan dalam sebutan termudah.

(ii)  $x$ , if  $g^{-1}(x) = 1$

$$g[f^{-1}(x)] = 1$$

$$\left(\frac{-x+1}{2}\right)^2 - 3 = 1$$

$$\frac{(-x-1)^2}{4} - 3 = 1$$

$$\frac{x^2+2x+1}{4} - \frac{3 \times 4}{1 \times 4} = 1$$

$$\frac{x^2+2x+1-12}{4} = 1$$

$$x^2+2x+1 = 4$$

$$x^2+2x-7 = 0$$

$$x = \frac{-2 \pm \sqrt{2^2 - 4(1)(-7)}}{2(1)}$$

$$x = 1.6284, x = -3.6284$$

[Lihat halaman sebelah]

Calon cuai dalam proses menyalin fungsi yang digunakan.


## Soalan 2 (a)

- 2 Penyelesaian secara lukisan berskala **tidak** diterima.

*Solution by scale drawing is not accepted.*

Rajah 1 menunjukkan dua garis lurus. Persamaan garis lurus  $RS$  ialah  $y + 2x + 3 = 0$ .

*Diagram 1 shows two straight lines. The equation of the straight line  $RS$  is  $y + 2x + 3 = 0$ .*



Rajah 1  
Diagram 1

- (a) Cari

*Find*

- (i) persamaan garis lurus  $PQ$ ,  
*the equation of the straight line  $PQ$ ,*

Calon dikehendaki menggunakan konsep kecerunan dua garis berserenjang,  $RS$  dan  $PQ$ , seterusnya mencari persamaan garis lurus  $PQ$  menggunakan  $m_1 m_2 = -1$ . Seterusnya mencari koordinat  $Q$  dengan menggunakan kaedah penyelesaian persamaan serentak. Soalan bahagian (b) mengkehendaki calon menentukan koordinat  $T$ , yang berada diujung garis  $PQ$  yang dipanjangkan dengan keadaan nisbah  $PQ:QT = 3:2$  dengan menggunakan rumus tembereng garis yang tepat.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$\begin{aligned} \text{So. } y + 2x + 3 &= 0 \\ y &= -2x - 3 \\ \text{m of } PQ &: -2(m) = -1 \\ m &= \frac{1}{2} \\ y &= mx + c \\ -2 &= \frac{1}{2}(-8) + c \\ c &= 2 \\ \text{Eqn of line } PQ &: y = \frac{1}{2}x + 2 \end{aligned}$$

Calon dapat menggunakan konsep  $m_1 m_2 = -1$  dengan tepat, seterusnya membina persamaan garis lurus  $PQ$ .

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$\begin{aligned} \text{a) i) } \quad & RS \\ & y = -2x - 3 \\ & m_{rs} = -2 \\ & m_{pa} = \frac{1}{2} \\ & y - y_1 = m(x - x_1) \\ & y + 2 = \frac{1}{2}(x + 8) \\ & y = \frac{1}{2}x + 2 \end{aligned}$$

Calon dapat menggunakan konsep  $m_1 m_2 = -1$ , tetapi calon tidak menggantikan nilai ke dalam rumus membina garis lurus dengan tepat.



**Soalan (a)(ii)**

(ii) koordinat  $Q$ .

*the coordinates of  $Q$ .*

Calon dikehendaki mencari koordinat  $Q$  dengan menggunakan kaedah penyelesaian persamaan serentak.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

$$\begin{aligned} \text{(ii)} \quad y &= -2x - 3 \quad \text{--- (1)} \\ y &= \frac{1}{2}x + 2 \quad \text{--- (2)} \\ \text{(1)} &= \text{(2)} \\ -2x - 3 &= \frac{1}{2}x + 2 \\ -\frac{5}{2}x &= 5 \\ x &= -2 \end{aligned}$$
$$\begin{aligned} \text{sub } x = -2 \text{ into (1)} \\ y &= -2(-2) - 3 \\ &= 1 \\ \therefore Q &(-2, 1) \end{aligned}$$

Calon menyelesaikan persamaan serentak bagi garis  $RS$  dan  $PQ$  bagi menentukan koordinat  $Q$ .

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**

$$\begin{aligned} \text{(1)} \quad y &= -2x - 3 \quad \text{--- (1)} \\ y &= \frac{1}{2}x + 2 \quad \text{--- (2)} \\ \hline 0 &= -\frac{3}{2}x - 5 \\ -\frac{3}{2}x - 5 &= 0 \\ -\frac{3}{2}x &= 5 \\ x &= -\frac{10}{3} \end{aligned}$$
$$\begin{aligned} \text{when } x = -\frac{10}{3}, \text{ sub in (1)} \\ y &= -2\left(-\frac{10}{3}\right) - 3 \\ y &= \frac{11}{3} \\ \therefore Q &\left(-\frac{10}{3}, \frac{11}{3}\right) \end{aligned}$$

Calon cuai dalam pengiraan penyelesaian persamaan serentak.

### Soalan 2 (b)

- (b) Garis lurus  $PQ$  dipanjangkan ke titik  $T$ , dengan keadaan  $PQ:QT = 3:2$ .  
Cari koordinat  $T$ . [2]

*The straight line  $PQ$  is extended to point  $T$ , such that  $PQ:QT = 3:2$ .  
Find the coordinates of  $T$ .*

Calon dikehendaki menentukan koordinat  $T$ , yang berada diujung garis  $PQ$  yang dipanjangkan dengan keadaan nisbah  $PQ:QT = 3:2$ . Calon juga perlu menggunakan rumus tembereng garis dengan tepat.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$\begin{aligned} \text{b)} \quad & \frac{3x + 2(-8)}{3+2} = -2 \\ & 3x - 16 = -10 \\ & 3x = 6 \\ & x = 2 \\ & \frac{3y + 2(-2)}{3+2} = 1 \\ & 3y - 4 = 5 \\ & 3y = 9 \\ & y = 3 \end{aligned} \quad \underline{\underline{T(2, 3)}}$$

Calon menggunakan nisbah yang diberi dengan betul bagi pengiraan tembereng garis.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$\begin{aligned} (-2, 1) &= \left( \frac{-8(2) + 3x}{5}, \frac{-2(2) + 3y}{5} \right) \\ -16 + 3x &= -10 \\ x &= \frac{6}{3} \\ x &= 2 \\ -4 + 3y &= 5 \\ y &= 3 \\ & \underline{\underline{T(2, 3)}} \end{aligned}$$

Calon dapat menyelesaikan soalan dengan baik tetapi tidak menggantikan nilai ke dalam rumus tembereng garis dengan tepat.

### Soalan 3 (a)

- 3 Suatu fungsi kuadratik diberi oleh  $f(x) = 2x^2 - 5x + p$ , dengan keadaan  $p$  ialah pemalar.

A quadratic function is given by  $f(x) = 2x^2 - 5x + p$ , such that  $p$  is a constant.

- (a) Puncapunca bagi persamaan kuadratik apabila  $f(x) = 0$  ialah  $\alpha$  dan  $\beta$ .

Bentukkan satu persamaan kuadratik yang mempunyai punca-punca  $2\alpha - 1$  dan  $2\beta - 1$  dalam sebutan  $p$ . [3 markah]

The roots of the quadratic equation when  $f(x) = 0$  are  $\alpha$  and  $\beta$ .

Form a quadratic equation which has roots  $2\alpha - 1$  and  $2\beta - 1$  in terms of  $p$ . [3 marks]

Calon dikehendaki menggunakan nilai hasil tambah punca dan hasil darab punca daripada fungsi asal dan seterusnya membentuk persamaan kuadratik yang baharu menggunakan hasil tambah punca dan hasil darab punca baharu.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Jawapan / Answer:

$$(a) \quad 2x^2 - 5x + p = 0$$

Punca :  $\alpha, \beta$

$$\text{HTP} = -\frac{b}{a} \quad \text{HDP} = \frac{c}{a}$$

$$\alpha + \beta = -\frac{(-5)}{2} \quad \alpha\beta = \frac{p}{2}$$

$$\alpha + \beta = \frac{5}{2}$$

Punca :  $2\alpha - 1, 2\beta - 1$

$$\text{HDP} = 4 \frac{(2\alpha - 1)(2\beta - 1)}{(2\alpha - 1)(2\beta - 1)}$$

$$\text{HDP} = 4\alpha\beta - 2\alpha - 2\beta + 1$$

$$\text{HDP} = 4(\alpha\beta) - 2(\alpha + \beta) + 1$$

$$\text{HDP} = 4\left(\frac{p}{2}\right) - 2\left(\frac{5}{2}\right) + 1$$

$$\text{HDP} = 2p - 5 + 1$$

$$\text{HDP} = 2p - 4$$

Persamaan kuadratik bagi punca  $2\alpha - 1$  dan  $2\beta - 1$  :

$$x^2 - (\text{HTP})x + (\text{HDP}) = 0$$

$$x^2 - 3x + 2p - 4 = 0$$

$$\text{HDP} = (2\alpha - 1)(2\beta - 1)$$

$$\text{HTP} = (2\alpha - 1) + (2\beta - 1)$$

$$\text{HTP} = 2\alpha - 1 + 2\beta - 1$$

$$\text{HTP} = 2\alpha + 2\beta - 2$$

$$\text{HTP} = 2(\alpha + \beta) - 2$$

$$\text{HTP} = 2\left(\frac{5}{2}\right) - 2$$

$$\text{HTP} = 3$$

Calon dapat menggunakan nilai hasil tambah punca dan hasil darab punca daripada fungsi yang asal untuk menghasilkan hasil tambah punca dan hasil darab punca yang baharu, seterusnya membentuk persamaan kuadratik dengan betul.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$f(x) = 2x^2 - 5x + p$$

$$f(x) = 2x^2 - 5x + p$$

$$a = 2 \quad b = -5 \quad c = p$$

$$a + \beta = -\frac{(-5)}{2}$$

$$= \frac{5}{2}$$

$$a\beta = \frac{p}{2}$$

Hasil tambah punca

$$\cancel{(2a-1)} + \cancel{(2\beta-1)} =$$

$$(2a-1) + (2\beta-1) = 2(a+\beta) - 2$$

$$= 2\left(\frac{5}{2}\right) - 2$$

$$= 3$$

Hasil darab punca

$$(2a-1)(2\beta-1) = 4a\beta - 2a - 2\beta + 1$$

$$= 4a\beta - 2(a+\beta) + 1$$

$$= 4\left(\frac{p}{2}\right) - 2(3) + 1$$

$$= 2p - 5$$

Persamaan kuadratik bagi punca  $2a-1$  dan  $2\beta-1$  ialah  $x^2 - 3x + 2p - 5 = 0$

Calon tersilap mengganti nilai hasil tambah punca yang asal dalam proses mencari hasil darab punca yang baharu.

### Soalan 3 (b)

(b) Diberi bahawa garis lurus  $y = x + 1$  menyentuh lengkung  $y = f(x)$ , cari nilai  $p$ .  
[3 markah]

*Given that the straight line  $y = x + 1$  touches the curve  $y = f(x)$ , find the value of  $p$ .*  
[3 marks]

Calon perlu mencari nilai  $p$  dengan menggabungkan persamaan garis lurus dan persamaan lengkung seterusnya menggunakan pembezaan yang betul,  $b^2 - 4ac = 0$ .

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$\begin{aligned}x + 1 &= 2x^2 - 5x + p \\0 &= 2x^2 - 6x + p - 1 \\b^2 - 4ac &= 0 \\(-6)^2 - 4(2)(p - 1) &= 0 \\36 - 8p + 8 &= 0 \\-8p &= -44 \\p &= \frac{11}{2}\end{aligned}$$

Calon dapat mencari nilai  $p$  dengan menggabungkan persamaan garis lurus dan persamaan lengkung seterusnya menggunakan pembezaan,  $b^2 - 4ac = 0$ .

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$\begin{aligned}\frac{-6 \pm \sqrt{6^2 - 4(2)(p-1)}}{2(2)} &= 0 \\36 - 8(p-1) &= 36 \\-8p + 8 &= 0 \\-8p &= -8 \\p &= 1 \\2x^2 - 5x + 1 &= x + 1 \\2x^2 - 5x - x + 1 - 1 &= 0 \\2x^2 - 6x &= 0 \\(x-3)(x-0) & \\x=3 \quad x=0 &\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}x + 1 &= 2x^2 - 5x + p & 8) &= 9p \\0 &= 2x^2 - 6x + p - 1 & p &= 9 \\x &= \frac{-(-6) \pm \sqrt{6^2 - 4(2)(p-1)}}{2(2)}\end{aligned}$$

Calon dapat menggabungkan persamaan garis lurus dan persamaan lengkung tetapi tidak menggunakan pembezaan,  $b^2 - 4ac = 0$ .

#### Soalan 4 (a)

- 4 Dalam suatu jangjang geometri, hasil tambah bagi empat sebutan pertama ialah 16 kali hasil tambah bagi empat sebutan yang berikutnya.

*In a geometric progression, the sum of first four terms is 16 times the sum of the next four terms.*

- (a) Tunjukkan bahawa nisbah sepunya,  $r$ , bagi jangjang itu ialah  $\frac{1}{2}$ . [3 markah]

*Show that the common ratio,  $r$ , of the progression is  $\frac{1}{2}$ . [3 marks]*

Calon dikehendaki menggunakan rumus hasil tambah jangjang geometri atau hasil tambah sebutan jangjang geometri. Hasil tambah 4 sebutan pertama adalah bersamaan

16 kali 4 sebutan berikutnya, seterusnya membuktikan nisbah sepunya  $r = \frac{1}{2}$ .

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$S_4 = 16(S_8 - S_4)$$

$$S_4 = 16(S_8 - S_4)$$

$$\frac{a(r^4-1)}{r-1} = 16 \left[ \frac{a(r^8-1)}{r-1} - \frac{a(r^4-1)}{r-1} \right]$$
$$= 16 \left[ \frac{a(r^8-1) - a(r^4-1)}{r-1} \right]$$

$$\frac{a(r^4-1)}{r-1} = \frac{16[a(r^8-1) - a(r^4-1)]}{r-1}$$

$$a(r^4-1) = 16a(r^8-1) - 16a(r^4-1)$$

$$17a(r^4-1) = 16a(r^8-1)$$

$$\frac{17a}{16a} = \frac{r^8-1}{r^4-1}$$

$$\frac{17}{16} = \frac{(r^4+1)(r^4-1)}{r^4-1}$$

$$r^4 + 1 = \frac{17}{16}, \quad r^4 = \frac{1}{16}, \quad r = \pm \frac{1}{2} \quad \left( -\frac{1}{2} \text{ is rejected} \right)$$
$$r = \frac{1}{2} \quad (\text{pmven})$$

Calon dapat membentuk persamaan  $S_4 = 16(S_8 - S_4)$  seterusnya menyelesaikan

persamaan untuk membuktikan  $r = \frac{1}{2}$ .

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$\begin{aligned}S_4 &= 16 \times S_8 - S_4 \\ \frac{a(r^4-1)}{r-1} &= 16 \left[ \frac{a(r^8-1)}{r-1} - \frac{a(r^4-1)}{r-1} \right] \\ (r^4-1) &= 16(r^8-1) - (r^4-1) \\ r^4-1 &= 16(r^8-r^4-1+1) \\ r^4-1 &= 16r^4 \\ r^4-16r^4 &= 1 \\ r^4(1-16) &= 1 \\ r^4 &= -\frac{1}{15}\end{aligned}$$

Calon dapat membentuk persamaan  $S_4 = 16(S_8 - S_4)$  namun gagal menyelesaikan persamaan untuk membuktikan  $r = \frac{1}{2}$ .

#### Soalan 4 (b)(i)

(b) Diberi bahawa beza antara sebutan ke-4 dan sebutan ke-8 jangjang itu ialah 120.

*It is given that the different between the 4<sup>th</sup> term and the 8<sup>th</sup> term of the progression is 120.*

Cari

*Find*

- (i) sebutan pertama jangjang itu,  
*the first term of the progression,*

Calon dikehendaki mencari sebutan pertama dengan menggunakan rumus sebutan Jangjang Geometri.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$\begin{aligned}T_4 &= a\left(\frac{1}{2}\right)^{4-1} & T_8 &= a\left(\frac{1}{2}\right)^{8-1} \\ &= \frac{1}{8}a & &= \frac{1}{128}a \\ \frac{1}{8}a - \frac{1}{128}a &= 120 \\ \frac{15}{128}a &= 120 \\ a &= 1024\end{aligned}$$

Calon dapat membentuk persamaan melibatkan beza sebutan ke-8 dan ke-4, menggunakan rumus sebutan Jangjang Geometri seterusnya menyelesaikan persamaan untuk mencari sebutan pertama.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$\begin{aligned}\frac{1}{128}a - \frac{1}{8}a &= 120 \\ -\frac{15}{128}a &= 120 \\ a &= .\end{aligned}$$

Calon tidak dapat menyelesaikan persamaan linear untuk mencari nilai  $a$ .



**Soalan 4 (b)(ii)**

- (ii) hasil tambah hingga ketak terhinggaan jangjang itu.  
*the sum to infinity of the progression.*

Calon dikehendaki mencari hasil tambah ketak terhinggaan bagi jangjang geometri.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

$$S_{\infty} = \frac{1024}{1 - \frac{1}{2}}$$
$$= 2048$$

Calon menggunakan rumus hasil tambah ketak terhinggaan Jangjang Geometri dengan tepat.


**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**

$$\text{ii) } S_{\infty} = \frac{a}{r-1}$$
$$S_{\infty} = \frac{24}{\frac{1}{2}-1}$$
$$S_{\infty} = -48$$

Calon salah menggunakan rumus hasil tambah ketak terhinggaan.

**Soalan 5 (a)**

- 5 Rajah 2 menunjukkan pelan sebuah taman berbentuk segi empat tepat  $ABCD$ .  
*Diagram 2 shows the plan of a rectangular garden  $ABCD$ .*



Rajah 2  
*Diagram 2*

Sebuah kolam berbentuk sukuan bulatan dengan pusat  $D$  akan dibina dalam taman itu. Luas yang tinggal,  $(90x + 27)\pi$  meter<sup>2</sup>, akan ditanam dengan rumput. Diberi bahawa  $P$  ialah titik tengah  $AD$  dan panjang  $AB$  adalah dua kali panjang lengkok  $PQ$ .

Cari nilai  $x$  dan nilai  $y$ .

*A pond in a shape of a quadrant of a circle with centre  $D$  will be built in the garden. The remaining area,  $(90x + 27)\pi$  metre<sup>2</sup>, will be planted with grass. It is given that  $P$  is the midpoint of  $AD$  and length of  $AB$  is twice the length of the arc  $PQ$ .*

*Find the value of  $x$  and of  $y$ .*

Calon dikehendaki menggunakan rumus panjang lengkung, dan rumus luas sektor, untuk menghasilkan dua persamaan yang melibatkan  $x$  dan  $y$ . Persamaan yang dihasilkan mesti melibatkan satu persamaan linear dan satu persamaan tidak linear, seterusnya menyelesaikan persamaan tersebut untuk mencari nilai  $x$  dan  $y$ . Penyelesaian perlu melibatkan persamaan kuadratik.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$\text{Luas } ABCD = 6xy$$

$$\text{Luas yang tinggal} = 6xy - \frac{9x^2\pi}{4}$$

$$(90x + 27)\pi = 6x(3x\pi) - \frac{9x^2\pi}{4}$$

$$(90x + 27)\pi = 18x^2\pi - \frac{9x^2\pi}{4}$$

$$(90x + 27)\pi = \frac{72x^2\pi - 9x^2\pi}{4}$$

$$4(90x + 27)\pi = (72x^2 - 9x^2)\pi$$

$$360x + 108 = 63x^2$$

$$[63x^2 - 360x - 108 = 0] \div 3$$

$$21x^2 - 120x - 36 = 0$$

$$[21x^2 - 120x - 36 = 0] \div 3$$

$$7x^2 - 40x - 12 = 0$$

$$(x - 6)(7x + 2) = 0$$

$$x = 6, \quad x = -\frac{2}{7} \text{ (abaikan)}$$

$$y = 3x\pi$$

$$y = 3(6)\pi$$

$$y = 18\pi$$

$$y = 56.55$$

$$x = 6$$

$$y = 56.55$$

Calon dapat menggunakan rumus panjang lengkung,  $s = j\theta$  dan rumus luas sektor,  $L = \frac{1}{2}j^2\theta$  untuk menghasilkan dua persamaan yang melibatkan  $x$  dan  $y$ , seterusnya menyelesaikan sistem persamaan yang melibatkan persamaan kuadratik untuk mencari nilai  $x$  dan  $y$ .

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$6x(3x\pi) - (90x + 27)\pi = \frac{9}{4}x^2\pi$$

$$18x^2\pi - \frac{9}{4}x^2\pi = 90x\pi + 27\pi$$

$$18x^2 - \frac{9}{4}x^2 - 90x - 27 = 0$$

$$\frac{63}{4}x^2 - 90x - 27 = 0$$

$$(x-6)(7x+2) = 0$$

$$x-6=0 \quad , \quad 7x+2=0$$

$$x=6 \quad \quad \quad 7x=-2$$

$$x = -\frac{2}{7} \text{ (ignore)}$$

Calon dapat menggunakan rumus panjang lengkung,  $s = j\theta$  dan rumus luas sektor,  $L = \frac{1}{2}j^2\theta$  untuk menghasilkan dua persamaan yang melibatkan  $x$  dan  $y$ , tetapi calon melakukan kesalahan dalam pemfaktoran bagi persamaan kuadrat.

### Soalan 6 (a)

6 (a) Buktikan bahawa  $\cot \frac{x}{2} - \tan \frac{x}{2} = 2 \cot x$ .

Prove that  $\cot \frac{x}{2} - \tan \frac{x}{2} = 2 \cot x$ .

Calon dikehendaki menggunakan rumus sudut gandaan trigonometri untuk membuktikan identiti trigonometri.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$\begin{aligned} \cot \frac{x}{2} - \tan \frac{x}{2} &= 2 \cot x \\ \text{LHS,} \\ \cot \frac{x}{2} - \tan \frac{x}{2} &= \frac{\frac{\cos \frac{x}{2}}{\sin \frac{x}{2}} - \frac{\sin \frac{x}{2}}{\cos \frac{x}{2}}}{\frac{\cos^2 \frac{x}{2} - \sin^2 \frac{x}{2}}{\sin \frac{x}{2} \cos \frac{x}{2}}} \\ &= \frac{\cos x}{\sin \frac{x}{2} \cos \frac{x}{2}} \\ &= \frac{2 \cos x}{2 \sin \frac{x}{2} \cos \frac{x}{2}} \\ &= \frac{2(\cos x)}{\sin x} \\ &= 2 \cot x \\ &= \text{RHS} \\ &\text{(proven)} \end{aligned}$$

Calon dapat membuktikan  $2 \cot x$  dengan menggunakan rumus sudut gandaan yang bersesuaian dengan tepat.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$\begin{aligned} \text{a) Anggap } \cot \frac{x}{2} = A, \quad x = 2A, \\ \cot A - \tan A &= 2 \cot 2A \\ \cot A - \frac{1}{\cot A} &= 2 \cot 2A \\ \frac{\cot^2 A - 1}{\cot A} &= 2 \cot 2A \\ \frac{\cot^2 A - 1}{2 \cot A} &= \cot 2A \end{aligned}$$

Calon tidak menggunakan rumus sudut gandaan Trigonometri yang tepat dalam pembuktian.

**Soalan 6 (b)(i) dan (ii)**

(b) (i) Seterusnya, lakar graf  $y = \left| \cot \frac{x}{2} - 2 \cot x \right| - 1$  bagi  $0^\circ \leq x \leq 360^\circ$ .

Hence, sketch the graph of  $y = \left| \cot \frac{x}{2} - 2 \cot x \right| - 1$  for  $0^\circ \leq x \leq 360^\circ$ .

(ii) Tiada penyelesaian diperoleh jika  $y = m$  dilakarkan pada paksi-paksi yang sama di 6(b)(i), dengan keadaan  $m$  ialah pemalar.

Nyatakan julat nilai  $m$ .

*There is no solution obtained if  $y = m$  is sketched at the same axes in 6(b)(i), such that  $m$  is a constant.*

*State the range of values of  $m$ .*

Calon dikehendaki melakar graf persamaan tangen dalam domain yang diberi.

Soalan (b)(ii) menghendaki calon menulis julat nilai  $m$  apabila garis lurus  $y = m$  tidak menyentuh graf tangen dalam (b)(i).

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

JAWAPAN / ANSWER.

~~$y = \left| \cot \frac{x}{2} - 2 \cot x \right| - 1$~~

(i)  $\cot \frac{x}{2} - \tan \frac{x}{2} = 2 \cot x$

$\cot \frac{x}{2} - 2 \cot x = \tan \frac{x}{2}$

$y = \left| \tan \frac{x}{2} \right| - 1$

$y = \left| \cot \frac{x}{2} - 2 \cot x \right| - 1$

~~$y = \left| \tan \frac{x}{2} \right| - 1$~~


$y = \left| \tan \frac{x}{2} \right| - 1$

(ii)  $y < -1$  no solution  
Hence,  
 $m < -1$

Calon dapat melakar graf persamaan tangen dengan tepat dalam domain yang diberi dan seterusnya dapat menulis julat nilai  $m$  dengan betul.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$\begin{aligned} \text{b)(i)} \quad y &= | \cot \frac{x}{2} - 2 \cot x | - 1 \\ y &= | 2 \cot x | - 1 \\ y &= \frac{2}{2 + \tan x} - 1 \end{aligned}$$




Calon tidak melakar graf tangen dengan bilangan kitaran yang betul mengikut kehendak soalan.

**Soalan 7 (a)(i)**

- 7 Suatu majlis daerah membina satu kerangka keluli berbentuk parabola untuk menggantung sepanduk. Rajah 3 menunjukkan pandangan hadapan kerangka keluli itu.

*A district council constructs a parabolic steel frame to hang a banner. Diagram 3 shows the front view of the steel frame.*



Rajah 3  
Diagram 3

Sebuah sepanduk berbentuk segi empat tepat  $ABCD$  akan digantung pada titik  $C$  dan titik  $D$  dengan keadaan  $CD$  adalah mengufuk. Tinggi  $AB$  dari aras tanah ialah 1 meter. Bucu  $A$  dan bucu  $B$  akan diikat tegak ke bawah masing-masing pada titik  $G$  dan titik  $H$ . Diberi bahawa fungsi kecerunan lengkung itu ialah  $6 - 2x$  dan jarak  $GH$  ialah  $2p$  meter.

*A rectangular banner  $ABCD$  will be hung at points  $C$  and  $D$  such that  $CD$  is horizontal. The height of  $AB$  from the ground level is 1 metre. The edges  $A$  and  $B$  are tied vertically to the points  $G$  and  $H$  respectively. It is given that the gradient function of the curve is  $6 - 2x$  and the distance of  $GH$  is  $2p$  metre.*

- (a) (i) Tunjukkan bahawa jarak  $EH$  ialah  $(3 + p)$  meter.  
*Show that the distance of  $EH$  is  $(3 + p)$  metre.*

Calon dikehendaki menggunakan konsep pembezaan / pengamiran pada titik maksimum untuk mendapatkan jarak  $EH$ .

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

Jawapan / Answer:

$$(a)(i) y = \int (6 - 2x) dx \quad y = -x^2 + 6x \quad \text{let midpoint } \overset{GH}{AB} = K$$

$$= 6x - x^2 + C \quad x = \frac{6}{2(-1)} \quad KH = \frac{2p}{2} \quad \text{---} \quad EK = 3$$

$$\text{---} \quad = 3 \quad = p$$

$$y = -x^2 + 6 \quad EH = EK + KH$$

$$\text{Let } E = (0, 0); C = 0 \quad = (3 + p) \text{ metre (shown)}$$

Calon dapat membuat proses pengamiran dan pembezaan pada titik maksimum untuk mendapatkan jarak  $EH$ .



### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$\begin{array}{l} 7.(a)(i) \text{ Jarak } EH = EG + GH \\ 3+p = EG + 2p \\ 3+p-2p = EG \\ 3-p = EG \end{array} \quad \begin{array}{l} EH = EG + GH \\ = 3-p + 2p \\ = 3+p \end{array}$$

Calon tidak menggunakan konsep pengamiran / pembezaan untuk mendapatkan  $EH$ .

### Soalan 7 (a)(ii)

- (ii) Seterusnya, ungkapkan luas,  $L$ , bagi sepanduk itu dalam sebutan  $p$   
*Hence, express the area,  $L$ , of the banner in terms of  $p$ .*

Calon dikehendaki menggunakan konsep kamiran untuk mencari persamaan lengkung dan seterusnya menggantikan nilai  $(3+p)$  untuk mendapatkan nilai  $y$ , seterusnya mengungkapkan luas,  $L$ , dalam sebutan  $p$ .

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$\begin{aligned} \text{When } x &= 3+p \\ y &= -(3+p)^2 + 6(3+p) \\ &= -9 - 6p - p^2 + 18 + 6p \\ &= -p^2 + 9 \\ \text{CB} &= -p^2 + 9 - 1 \\ &= -p^2 + 8 \\ \text{Area, } L &= 2p(-p^2 + 8) \\ &= (16p - 2p^3) \text{ m}^2 \end{aligned}$$

Calon dapat menggunakan konsep kamiran untuk mencari persamaan lengkung dan menggantikan nilai  $(3+p)$  untuk mendapatkan nilai  $y$  seterusnya mengungkapkan luas,  $L$ , dalam sebutan  $p$ .

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$\begin{aligned} &= 6p - p^2 \quad (p, 6p - p^2) \\ &6p - p^2 - 1 \quad 2p \\ &L = 2p(6p - p^2 - 1) \\ &L = 12p^2 - 2p^3 - 2p \end{aligned}$$

Calon tidak dapat membaca koordinat dengan betul menyebabkan tidak dapat mencari luas.

### Soalan 7 (b)

- (b) Jika kos untuk membuat sepanduk itu ialah RM40/meter<sup>2</sup>, hitung jumlah kos kepada RM terdekat, untuk membuat sepanduk itu dengan keadaan luasnya adalah maksimum. [4 markah]

*If the cost to make the banner is RM40/metre<sup>2</sup>, calculate the total cost to the nearest RM, to make the banner such that its area is maximum. [4 marks]*

Calon dikehendaki untuk menggunakan konsep pembezaan terhadap luas maksimum untuk mencari nilai  $p$  dan seterusnya menghitung kos maksimum sepanduk.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$\begin{aligned} \text{(b)} \quad \frac{dA}{dp} &= 16 - 6p^2 & A &= 16(1.633) - 2(1.633)^3 \\ 16 - 6p^2 &= 0 & &= 17.42 \text{ m}^2 \\ 6p^2 &= 16 & \text{Cost} &= 17.42 \times 40 \\ p^2 &= \frac{8}{3} & &= \text{RM } 696.80 \\ p &= 1.633 \quad (\because p > 0) & &\approx \text{RM } 697.00 \end{aligned}$$

Calon dapat menggunakan konsep pembezaan terhadap luas maksimum untuk mencari nilai  $p$  dan seterusnya menghitung kos maksimum sepanduk dengan tepat.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$\begin{aligned} \text{b)} \quad \frac{dC}{dp} &= -6p^2 + 16 & p &= +1.633 \\ -6p^2 + 16 &= 0 & p &= -1.633 \\ -6p^2 &= -16 & p &> 0 \\ p^2 &= \frac{8}{3} & p &= 1.633 \\ & & & \\ & & & -2(1.633) + 16(1.633) \\ & & & = 17.42 \text{ m}^2 \quad 17.42(40) \\ & & & = \text{RM } 696.80 \end{aligned}$$

Calon dapat menggunakan konsep pembezaan terhadap luas maksimum untuk mencari nilai  $p$  dan seterusnya menghitung kos maksimum sepanduk namun tidak membundarkan nilai kepada RM terdekat.

## 2.3 CADANGAN/SYOR BAHAGIAN A

### 2.3.1 Calon

- a) Menguasai kemahiran asas Matematik seperti operasi asas yang melibatkan nombor negatif, kemahiran algebra, menyelesaikan persamaan serentak dan menyelesaikan persamaan kuadratik.
- b) Memberi sepenuh tumpuan dalam kelas, sentiasa bertanya dan berbincang dengan guru atau rakan-rakan.
- c) Melakukan latihan yang banyak bagi soalan berbentuk penyelesaian masalah dan soalan KBAT (Bukan Rutin) serta memahami dan mengingat langkah-langkah untuk pembuktian rumus dan kefahaman konsep yang asas.
- d) Menulis rumus sebelum menggantikan nilai ke dalam rumus dan menggunakan rumus dengan tepat.
- e) Mengelak pembundaran pada peringkat awal penyelesaian. Jawapan mesti diberi dalam bentuk yang paling ringkas.
- f) Menggunakan kalkulator saintifik secara maksimum untuk membantu pengiraan. Belajar bagaimana menggunakan kalkulator untuk menyemak jawapan bagi persamaan kuadratik, persamaan serentak, sudut-sudut dalam radian dan darjah.
- g) Sentiasa cuba melakar rajah untuk memudahkan pemahaman kehendak soalan.
- h) Menunjukkan semua langkah kerja yang penting.
- i) Memastikan semua soalan telah dijawab dalam Bahagian A semasa peperiksaan.

### 2.3.2 Guru

- a) Menguasai isi kandungan, konsep dan kemahiran semua tajuk Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 Matematik Tambahan dengan baik.
- b) Mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran bersesuaian dengan PAK21 bagi menarik minat murid dan melaksanakan *Professional Learning Community* (PLC) bagi menambah baik dan menghasilkan pembelajaran yang berkesan.
- c) Memastikan murid lemah memahami konsep asas sesuatu tajuk, menyelesaikan persamaan kuadratik dan kaedah penyempurnaan kuasa dua dengan langkah yang teratur.
- d) Mendedahkan kepada murid strategi, teknik-teknik menjawab soalan secara berkesan semasa peperiksaan.
- e) Memainkan peranan utama untuk memastikan asas algebra seperti pengembangan dan manipulasi algebra dikuasai oleh murid.
- f) Memberi pendedahan dan menerapkan kemahiran menjawab soalan KBAT (Bukan Rutin) dalam pembelajaran.
- g) Mengenalni murid melalui Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dan analisis item untuk mengetahui tahap kemampuan mereka. Kenal pasti kelemahan dan jurang murid melalui dialog prestasi supaya tindakan intervensi dapat dilakukan.
- h) Mengaitkan tajuk dalam Matematik Tambahan dengan Matematik dan penggunaan dalam kehidupan harian supaya murid tidak menganggap Matematik Tambahan sukar.
- i) Berhubung dengan ibu bapa murid untuk berbincang mengenai langkah mengatasi kelemahan murid.

## 2.3 PRESTASI CALON BAHAGIAN B

### 2.3.1 Prestasi Keseluruhan

Secara keseluruhannya, prestasi calon adalah pada tahap sederhana. Markah minimum ialah 0 dan markah maksimum ialah 30. Calon dapat menunjukkan prestasi yang baik bagi soalan-soalan rutin seperti tajuk Hukum Linear dan Vektor berbanding dengan tajuk Pembezaan dan Pengamiran serta Taburan Kebarangkalian. Soalan 10 adalah gabungan soalan Pembezaan dan Pengamiran.

### 2.3.2 PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

#### Kumpulan Prestasi Tinggi

Prestasi calon berada pada tahap baik. Calon dalam kumpulan ini boleh menjawab soalan seperti yang dikehendaki. Terdapat juga calon yang menjawab semua soalan dalam Bahagian B.

Calon memahami soalan, menggunakan rumus dan kaedah yang betul, menggunakan konsep yang betul dan dapat menyelesaikan masalah dengan cara kerja yang kemas dan tepat. Cara kerja yang ditunjukkan adalah tersusun dan sistematik.

Calon mempunyai pengetahuan yang baik dan kemahiran aplikasi dalam mata pelajaran Matematik Tambahan berdasarkan kepada jawapan yang diberikan oleh calon. Jawapan yang diberikan sesuai dengan kehendak soalan dan jawapan akhir untuk setiap soalan adalah betul dan selaras dengan skema markah yang diberikan.

#### Kumpulan Prestasi Sederhana

Prestasi calon berada pada tahap memuaskan. Calon berjaya menjawab soalan yang memerlukan kemahiran asas seperti soalan Hukum Linear, Vektor, Pembezaan dan Pengamiran tetapi menghadapi masalah untuk menjawab soalan berasaskan aplikasi dalam tajuk Taburan Kebarangkalian.

Calon boleh menjawab soalan aras kesukaran rendah dan sederhana tetapi berhadapan masalah untuk menjawab soalan yang aras kesukaran tinggi. Jawapan yang diberikan menunjukkan pemahaman mereka tentang kandungan sukatan pelajaran yang telah dipelajari, tetapi mereka tidak menguasai kemahiran yang cukup untuk mengaplikasikan konsep tersebut dalam bahagian yang tertentu seperti tidak dapat mencari isipadu yang dikisarkan dalam tajuk Pengamiran, menggunakan nilai, rumus dan ketaksamaan yang tepat dalam tajuk Taburan Kebarangkalian.


Calon tidak dapat menjawab dengan baik beberapa soalan seperti soalan 9 (b) dan 10 (c). Sebilangan calon cuai dalam pengiraan mereka terutama di dalam manipulasi algebra. Pengiraan yang ditunjukkan kurang tepat.

## 2.4 KUPASAN JAWAPAN BAHAGIAN B

### Soalan 8 (a)

- 8 Rajah 4 menunjukkan segi tiga  $OBQ$  dan garis lurus  $OAC$ . Titik  $P$  terletak pada garis lurus  $OQ$  dan  $OC = 3OA$ .

*Diagram 4 shows triangle  $OBQ$  and the straight line  $OAC$ . Point  $P$  lies on the straight line  $OQ$  and  $OC = 3OA$ .*



Rajah 4  
Diagram 4

Diberi bahawa  $\overrightarrow{OA} = \underline{a}$ ,  $\overrightarrow{OB} = \underline{b}$ ,  $\overrightarrow{AP} = \frac{1}{3}\overrightarrow{AB}$  dan  $\overrightarrow{OQ} = k\overrightarrow{OP}$ , dengan keadaan  $k$  ialah pemalar.

*It is given that  $\overrightarrow{OA} = \underline{a}$ ,  $\overrightarrow{OB} = \underline{b}$ ,  $\overrightarrow{AP} = \frac{1}{3}\overrightarrow{AB}$  and  $\overrightarrow{OQ} = k\overrightarrow{OP}$ , such that  $k$  is a constant.*

- (a) Ungkapkan

*Express*

- (i)  $\overrightarrow{OP}$  dalam sebutan  $\underline{a}$  dan  $\underline{b}$ ,  
 $\overrightarrow{OP}$  in terms of  $\underline{a}$  and  $\underline{b}$ ,

- (ii)  $\overrightarrow{BQ}$  dalam sebutan  $k$ ,  $\underline{a}$  dan  $\underline{b}$ .  
 $\overrightarrow{BQ}$  in terms of  $k$ ,  $\underline{a}$  and  $\underline{b}$ .

Calon dikehendaki mengungkapkan vektor  $\overrightarrow{OP}$  dalam sebutan  $\underline{a}$  dan  $\underline{b}$  dengan menggunakan **Hukum Segitiga**. Soalan (a)(ii) menghendaki calon menulis vektor  $\overrightarrow{BQ}$  dalam sebutan  $k$ ,  $\underline{a}$  dan  $\underline{b}$ .

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$\begin{aligned} \text{a) i) } \vec{OP} &= \vec{OA} + \vec{AP} \\ &= \vec{OA} + \frac{1}{3} \vec{AB} \\ &= \vec{OA} + \frac{1}{3} (\vec{AO} + \vec{OB}) \\ &= \vec{OA} + \frac{1}{3} (-\vec{OA} + \vec{OB}) \\ &= \underline{a} + \frac{1}{3} (-\underline{a} + \underline{b}) \\ &= \frac{2}{3} \underline{a} + \frac{1}{3} \underline{b} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \vec{BQ} &= \vec{BO} + \vec{OQ} \\ &= -\underline{b} + k(\vec{OP}) \\ &= -\underline{b} + k\left(\frac{2}{3}\underline{a} + \frac{1}{3}\underline{b}\right) \\ &= -\underline{b} + \frac{2}{3}k\underline{a} + \frac{1}{3}k\underline{b} \\ &= \frac{2}{3}k\underline{a} + \left(\frac{1}{3}k - 1\right)\underline{b} \end{aligned}$$

Calon dapat menulis dan menggunakan hukum segitiga dengan betul untuk membentuk vektor paduan  $\vec{OP}$  dan  $\vec{BQ}$ .

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$\begin{aligned} \text{(q) (i)} \quad \vec{AB} &= \vec{AO} + \vec{OB} \\ &= -\vec{a} + \vec{b} \\ \vec{OP} &= \vec{OA} + \vec{AP} \\ &= \vec{a} + \frac{1}{3}(-\vec{a} + \vec{b}) \\ &= \frac{2}{3}\vec{a} + \frac{1}{3}\vec{b} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{ii)} \quad \vec{BQ} &= \vec{BO} + \vec{OQ} \\ &= -\vec{b} + k\vec{OP} \\ &= -\vec{b} + k\left(\frac{2}{3}\vec{a} + \frac{1}{3}\vec{b}\right) \\ &= -\vec{b} + \frac{2}{3}k\vec{a} + \frac{1}{3}k\vec{b} \\ &= \frac{2}{3}k\vec{a} - \frac{2}{3}k\vec{b} \end{aligned}$$

Calon boleh menulis hukum segi tiga dengan betul tetapi cuai dalam operasi penambahan vektor.





**Soalan 8 (b) dan 8 (c)**

- (b) Seterusnya, cari nilai  $h$  dan nilai  $k$  jika  $\overline{BQ} = h \overline{BC}$ , dengan keadaan  $h$  ialah pemalar. [5 markah]

Hence, find the value of  $h$  and of  $k$  if  $\overline{BQ} = h \overline{BC}$ , such that  $h$  is a constant.

[5 marks]

- (c) Nyatakan  $BQ : QC$ .

State  $BQ : QC$ .

Calon dikehendaki mencari nilai  $h$  dan nilai  $k$  jika  $\overline{BQ} = h \overline{BC}$  dengan keadaan  $h$  ialah pemalar. Soalan (c) menghendaki calon menulis nisbah  $BQ : QC$  daripada dapatan di (b).

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

$$\begin{aligned}
 (b) \quad \overline{BQ} &= h \overline{BC} & \overline{BC} &= \overline{BO} + \overline{OC} \\
 & & &= -\underline{b} + 3\underline{a} \\
 & & &= -\underline{b} + 3\underline{a} \\
 \frac{2}{3}k\underline{a} + (\frac{1}{3}k-1)\underline{b} &= h(-\underline{b} + 3\underline{a}) \\
 \frac{2}{3}k\underline{a} + (\frac{1}{3}k-1)\underline{b} &= -h\underline{b} + 3h\underline{a} \quad \text{--- (1)} \\
 \frac{2}{3}k\underline{a} + (\frac{1}{3}k-1)\underline{b} &= 3h\underline{a} - h\underline{b} \\
 \frac{2}{3}k &= 3h \quad \text{--- (1)} \\
 \frac{1}{3}k - 1 &= -h \quad \text{--- (2)} \\
 \frac{2}{3}k &= 3h \\
 h &= \frac{2k}{3} \\
 h &= \frac{2}{3}k \quad \text{--- (3)} \\
 \text{sub (3) into (2)} & & h &= \frac{2}{3}(\frac{3}{2}) \\
 \frac{1}{3}k - 1 &= -\frac{2}{3}k & h &= \frac{2}{5} * \\
 \frac{4}{3}k &= 1 \\
 k &= \frac{3}{4} *
 \end{aligned}$$

(c)  $BQ : QC = 2 : 3$

Calon dapat mencari  $\overline{BQ}$  melalui hukum segitiga dan melakukan pengembangan dengan betul serta dapat membandingkan pekali bagi  $\underline{a}$  dan  $\underline{b}$  dan mencari nilai tepat bagi  $h$  dan  $k$ . Calon dapat mengaitkan hubungan nisbah  $BQ : QC$  dengan nilai  $h$ .

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**

$$(b) \vec{OC} = 3\vec{OA}$$

$$= 3(a)$$

$$\vec{OC} = 3a$$

$$\vec{BC} = -b + 3a$$

$$\frac{2}{3}k a + (-1 + \frac{1}{3}k)b = h(-b + 3a)$$

$$\frac{2}{3}k a + (-1 + \frac{1}{3}k)b = 3h a + (-h)b$$

$$\frac{2}{3}k = 3h$$

$$-1 + \frac{1}{3}k = -h$$

$$2k = 9h$$

$$k = \frac{9}{2}h$$

$$-1 + \frac{1}{3}(\frac{9}{2}h) = -h$$

$$-1 + \frac{3}{2}h = -h$$

$$-1 = -h - \frac{3}{2}h$$

$$-1 = -\frac{5}{2}h$$

$$(c) \vec{QC} = \vec{QB} + \vec{BC}$$

$$= \frac{6}{5}a + \frac{3}{5}b + 3a$$

$$\vec{QC} = \frac{21}{5}a + \frac{3}{5}b$$

$$BQ : QC$$

$$1 : -1$$

$$-2 = -5h$$

$$h = \frac{-2}{-5}$$

$$h = \frac{2}{5}$$

$$k = \frac{9}{2}(\frac{2}{5})$$

$$k = \frac{9}{5}$$

Calon cuai dalam melakukan kembangan  $\vec{BQ} = h(3a - b)$  namun dapat melakukan perbandingan pekali bagi  $a$  dan  $b$  dengan betul. Di bahagian (c) pula, calon tidak dapat menyatakan nisbah  $BQ : QC$  dengan tepat.

### Soalan 9 (a)

- 9 Jisim ahli kadet polis di sebuah sekolah adalah bertabur secara normal dengan min 60 kg. Diberi bahawa kebarangkalian seorang ahli kadet polis yang dipilih secara rawak daripada sekolah itu mempunyai jisim kurang daripada 61 kg ialah 0.9772.

*The mass of police cadet members in a school is normally distributed with a mean of 60 kg. It is given that the probability of a police cadet member chosen at random from the school has a mass less than 61 kg is 0.9772.*

- (a) Jika 8 orang ahli kadet polis dipilih secara rawak daripada sekolah itu, cari kebarangkalian bahawa

*If 8 police cadet members are chosen at random from the school, find the probability that*

- (i) semua 8 orang ahli itu mempunyai jisim kurang daripada 61 kg,  
*all the 8 members have the mass less than 61 kg,*
- (ii) selebih-lebihnya 6 orang ahli mempunyai jisim kurang daripada 61 kg.  
*at most 6 members have the mass less than 61 kg.*

Calon dikehendaki menggunakan maklumat dalam soalan dan menggunakan rumus

Binomial iaitu rumus  $P(X=r) = {}^n C_r p^r q^{n-r}$  untuk mencari kebarangkalian yang dikehendaki dalam soalan. Soalan (a)(ii) menghendaki calon mengenal pasti  $P(X \leq 6) = P(X=0) + \dots + P(X=6)$  atau setara.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$\begin{aligned} \text{(a) (i)} \quad P(X=8) &= {}^8 C_8 (0.9772)^8 (0.0228)^0 \\ &= \underline{0.8315} \# \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{(ii)} \quad P(X \leq 6) &= 1 - P(X=7) - P(X=8) \\ &= 1 - {}^8 C_7 (0.9772)^7 (0.0228)^1 - {}^8 C_8 (0.9772)^8 (0.0228)^0 \\ &= 1 - 0.1552 - 0.8315 \\ &= \underline{0.0133} \# \end{aligned}$$

